A

PP

lwn.

KHOO CHONG BAN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
KAMARDIN HASHIM H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45A-33-04-2013]
6 DISEMBER 2013

C

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Pengedaran dadah berbahaya - Kes prima facie - Pembuktian - Sama ada rantaian keterangan mengenai barang kes terputus - Sama ada percanggahan material dalam keterangan saksi utama pendakwaan menjejaskan kes pendakwaan - Sama ada pihak*

D

pendakwaan telah mencapai tahap pembuktian prima facie

PROSEDUR JENAYAH: *Pendakwaan - Kes prima facie - Pembuktian - Sama ada rantaian keterangan mengenai barang kes terputus - Sama ada identiti barang kes meragukan - Sama ada*

E

percanggahan material dalam keterangan saksi utama pendakwaan menjejaskan kes pendakwaan - Sama ada kegagalan membuat siasatan lengkap memprejudiskan pembelaan tertuduh - Sama ada pihak pendakwaan telah mencapai tahap pembuktian prima facie

KETERANGAN: *Inferens bertentangan - Kegagalan mengemukakan*

F

keterangan tertentu - Kesalahan pengedaran dadah berbahaya - Tertuduh dilihat bercakap dalam telefon sebelum ditangkap - Laporan panggilan keluar masuk - Kegagalan pengemukaan di mahkamah - Sama ada terdapat cubaan untuk menyembunyikan fakta material - Sama ada memprejudiskan tertuduh - Sama ada anggapan di bawah s. 114(g)

G

Akta Keterangan 1950 terpakai

KETERANGAN: *Kebolehterimaan - Tindakan oleh tertuduh - Tertuduh menunjukkan ke arah barang kes selepas diberikan kata-kata amaran oleh polis - Sama ada perbuatan menunjukkan barang kes terjumlah kepada*

H

kenyataan - Sama ada boleh diterima sebagai keterangan - Akta Keterangan 1950, ss. 8 & 27

KETERANGAN: *Saksi - Kebolehpercayaan - Saksi utama pihak pendakwaan - Peninggalan dan percanggahan material dalam keterangan*

I

saksi - Sama ada keterangan penting - Sama ada intipati utama pertuduhan - Sama ada saksi kredibel - Sama ada menjejaskan kes pendakwaan

SP3 mengaturkan suatu serbuan setelah menerima maklumat daripada orang awam mengenai satu transaksi pengedaran dadah. Apabila tiba di lokasi kejadian, SP3 dan anggota pasukan serbuan membuat pemerhatian dari dalam kenderaan masing-masing. SP3 menyatakan bahawa dia melihat tertuduh berjalan mundar mandir sambil menjinjit sebuah beg plastik hitam dan sedang bercakap dalam telefon dengan seseorang. Selepas tamat perbualan, suspek dilihat meletakkan beg hitam yang dijinjitnya di bawah pokok bunga. Pada masa itu SP3 dan pasukannya terus membuat serbuan ke atas suspek yang merupakan tertuduh dalam kes ini. Selepas memberikan kata-kata amaran, SP3 bertanya kepada tertuduh sama ada dia menyimpan apa-apa barang salah atau dadah. Tertuduh dikatakan telah menunjukkan ke arah beg plastik hitam di bawah pokok bunga. Beg plastik tersebut didapati mengandungi 3,390 biji pil ekstasi dan barang kes tersebut kemudiannya telah diserahkan kepada ahli kimia, yang mengesahkan bahawa kesemua barang kes yang diterimanya mengandungi dadah berbahaya seberat 395.7g. Tertuduh, oleh itu, dituduh atas kesalahan pengedaran dadah berbahaya di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Tertuduh menghujahkan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh dan menggesa mahkamah melepaskan dan membebaskannya daripada pertuduhan tanpa dipanggil untuk membela diri. Alasan-alasan yang dikemukakan oleh tertuduh adalah: (i) terdapat pemutusan dalam rantaian keterangan mengenai barang kes dadah; (ii) terdapat percanggahan material dalam keterangan SP3 yang merupakan saksi utama pihak pendakwaan; (iii) anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 ('Akta') adalah terpakai terhadap pihak pendakwaan; dan (iv) wujud kelemahan-kelemahan dalam siasatan kes oleh pegawai penyiasat ('SP6').

Diputuskan (melepaskan dan membebaskan tertuduh tanpa dipanggil untuk membela diri):

(1) Terdapat perbezaan dalam jumlah biji pil yang dirampas dengan jumlah biji pil yang telah diserahkan kepada ahli kimia untuk dianalisa, yang menjurus kepada perbezaan dalam berat dadah yang terlibat. Walau bagaimanapun, tiada penjelasan yang telah diberikan oleh pihak pendakwaan bagi perbezaan jumlah biji pil tersebut yang mewujudkan persoalan sama ada barang kes yang dirampas merupakan barang kes yang sama yang dikemukakan di mahkamah. Dengan itu, inferens yang

munasabah boleh dibuat bahawa barang kes dadah tersebut telah dikacau ganggu dan identiti sebenar barang kes adalah meragukan. (perenggan 28)

(2) Perkara-perkara penting yang melibatkan intipati sesuatu pertuduhan wajar dinyatakan dalam sesuatu laporan polis. Terdapat peninggalan dan/atau percanggahan material dalam keterangan SP3 dengan laporan polisnya di mana terdapat fakta-fakta yang diakui sebagai penting oleh SP3 telah gagal dimasukkan dalam laporan polisnya. Fakta-fakta tersebut merupakan intipati-intipati utama dalam pertuduhan terhadap tertuduh. Ketinggalan dan percanggahan yang material dalam keterangan SP3 menggugat kebolehpercayaan SP3 dalam kes ini yang seterusnya memberi ruang dan peluang kepada mahkamah untuk membuat dapatan bahawa SP3 bukan seorang saksi yang berkredibel. Kes pendakwaan runtuh apabila kredibiliti SP3 dipersoalkan. Malahan, pihak pendakwaan juga telah gagal menggunakan budi bicara mereka untuk memanggil saksi serbuan yang lain. (perenggan 33, 34, 35 & 38)

(3) Keterangan berkaitan tertuduh menunjukkan ke arah beg hitam tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan kerana perbuatan tersebut terjumlah kepada satu kenyataan. Perbuatan tersebut juga tidak boleh diterima di bawah s. 27 Akta dan/atau di bawah s. 8 Akta kerana pra-syarat di bawah s. 27 Akta tidak dipenuhi malahan tiada sebarang keterangan bagi membuktikan pra-syarat tersebut. Manakala s. 8 tidak terpakai kerana perbuatan menunjuk tersebut bukanlah satu 'conduct' atau 'overt act' yang dimaksudkan di bawah s. 8 Akta tetapi sebaliknya terjumlah kepada suatu kenyataan. (perenggan 39)

(4) SP3 jelas telah memutarbelitkan keterangannya di mahkamah apabila dalam soal-balas menafikan melihat tertuduh menjinjit beg hitam sebelum ditangkap. Menurut keterangan SP6, barang kes dadah telah dijumpai oleh SP3 sendiri selepas mencari di sekitar tempat kejadian. Oleh itu, keraguan munasabah timbul dalam kes pendakwaan melalui saksi utama pendakwaan yang tidak kredibel. (perenggan 40)

(5) Terdapat maklumat awam tentang pengedaran dadah diterima oleh SP3 dan pada masa pemerhatian, tertuduh dilihat bercakap dengan seseorang dalam telefon bimbitnya. Justeru,

panggilan keluar masuk adalah penting dan dapat menunjukkan siapakah yang bercakap dengan tertuduh sebelum tertuduh ditangkap. Pihak pendakwaan telah memperolehi laporan daripada syarikat telekomunikasi mengenai perkara tersebut tetapi gagal mengemukakannya di mahkamah. Keengganan serta kegagalan tersebut adalah satu cubaan untuk menyembunyikan sesuatu fakta material dan memprejudiskan pembelaan tertuduh. Dengan itu, anggapan di bawah s. 114(g) Akta adalah terpakai menyebelahi tertuduh. (perenggan 43)

(6) SP6 gagal menjalankan sebarang siasatan terhadap kad SIM dalam telefon bimbit tertuduh walaupun terdapat laporan panggilan keluar masuk daripada syarikat telekomunikasi. Sebaliknya, ia diserahkan kepada pihak Bukit Aman untuk siasatan lanjut. Hasil siasatan pihak Bukit Aman juga tidak dikemukakan di mahkamah. Kegagalan siasatan lengkap tersebut telah memprejudiskan pembelaan tertuduh dan menimbulkan keraguan dalam kes pihak pendakwaan. Atas pertimbangan maksima keterangan saksi-saksi pendakwaan, pihak pendakwaan telah gagal mencapai tahap pembuktian *prima facie*. (perenggan 44 & 45)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdullah Zawawi Omar v. PP [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19 SC ***(dirujuk)***
Arulpragasan Sandaraju v. PP [1996] 4 CLJ 597 FC ***(dirujuk)***
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Chan King Yu v. PP [2009] 1 CLJ 601 FC ***(dirujuk)***
Dalip Baghwan Singh v. PP [1997] 4 CLJ 645 FC ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***
Muhammed Hassan v. PP [1998] 2 CLJ 170 FC ***(dirujuk)***
PP v. Kasmin Soeb [1974] 1 LNS 116 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
Yusri Pialmi v. PP [2010] 6 CLJ 878 FC ***(dirujuk)***
Zaifull Muhammad v. PP & Another Appeal [2013] 2 CLJ 383 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Dangerous Drugs Act 1952, ss. 37A(1)(b), 37(d), (da), 39B(1)(a)
Evidence Act 1950, ss. 8, 27, 114(g)
Penal Code, ss. 112, 180

Bagi pihak pendakwaan - Monica Linsua; TPR
Bagi pihak tertuduh - Geethan Ram Vincent; T/n Salehuddin Saidin & Assocs

Dilaporkan oleh S Barathi

A

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim H:

Pengenalan

B **[1]** Tertuduh, Khoo Chong Ban telah dihadapkan dengan satu pertuduhan memperedarkan dadah berbahaya, satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ("ADB"). Pertuduhan terhadap tertuduh dibaca seperti berikut:

C

> Bahawa kamu pada 8.11.2012 jam lebih kurang 9.00 malam di tepi SRJK (C) Sam Yoke, Jalan PPRT Seri Alam, Off Jalan Sungai Besi, di dalam daerah Dang Wangi, di dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan telah mengedar dadah berbahaya iaitu 395.7 gram dadah 3,4-Methylenedioxymethamphetamine (MDMA). Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan
D di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Tertuduh mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan dan meminta satu perbicaraan diadakan.

E

[3] Di akhir kes pendakwaan, mahkamah ini mendapati bahawa keterangan kes pihak pendakwaan telah gagal untuk mencapai tahap pembuktian kes *prima facie* atas pertuduhan yang dihadapkan. Tertuduh telah dilepas dan dibebaskan dengan tanpa dipanggil
F untuk membela diri atas pertuduhan.

[4] Pihak pendakwaan sekarang merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap perintah pembebasan tertuduh tersebut.

[5] Alasan-alasan bagi pembebasan tertuduh tersebut adalah
G seperti dijelaskan di bawah ini.

Kes Pendakwaan

[6] Pihak pendakwaan telah memanggil seramai tujuh orang saksi untuk membentangkan naratif kes mereka. Saksi-saksi tersebut
H adalah seperti berikut:

(i) L/Kpl Mohd Fandi Nordin, penjaga setor barang kes (SP1);

(ii) D/Kpl Ahmad Zafri Mohd Noor, jurugambar (SP2);

I (iii) ASP Mohd Nazri Ismail, ketua pasukan serbuan (SP3);

(iv) Zulkefli Mohd Edin, ahli kimia (SP4);

(v) Mohamad Hanif Omar, ahli kimia (SP5); A

(vi) Insp Kumbat anak Tan, pegawai penyiasat (SP6); dan

(vii) Insp Rohasmawati Abd Rahman, pegawai forensik (SP7).

[7] Kes pendakwaan secara ringkasnya adalah seperti berikut. B Pada 8 November 2012 jam lebih kurang 6 petang, SP3 menerima maklumat daripada orang awam mengenai satu transaksi pengedaran dadah akan berlaku di sekitar kawasan SRJK (C) Sam Yoke, Jalan PPRT Sri Alam, Off Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur. Lepas terima maklumat tersebut, SP3 telah mengumpulkan beberapa C orang anggota pasukan serbuan dan telah memberikan taklimat mengenai serbuan dan tangkapan yang akan dilakukan.

[8] Selesai taklimat, pada jam 7 petang satu pasukan serbuan yang diketuai oleh SP3 telah bergerak ke lokasi kejadian dengan D menaiki dua buah kenderaan pasukan jenis Proton Waja tanpa lambang. SP3 dan pasukannya tiba di lokasi pada jam 7.15 petang dan telah mengambil tempat seperti ditaklimatkan. SP3 dan anggota pasukan serbuan membuat pemerhatian dari dalam kenderaan masing-masing. Keadaan kawasan tempat kejadian diterangi oleh E lampu jalan dan terdapat hujan renyai-renyai. Menurut SP3 lalu lintas di kawasan itu tidak sibuk dan tidak ramai orang awam di sana yang lalu lalang. Bagaimanapun menurut SP3 lagi terdapat banyak kenderaan yang diletakkan di sekitar kawasan tersebut.

[9] Menurut SP6, pada jam lebih kurang 8.55 malam beliau F melihat suspek seperti dalam maklumat yang diberikan telah berada di tempat kejadian. Menurut SP3, beliau melihat suspek sedang berjalan mundar mandir kiri kanan dan depan belakang sambil menjinjit satu plastik hitam dan sedang bercakap dalam telefon G dengan seseorang. Setelah menamatkan perbualan telefon, suspek dilihat telah meletakkan beg hitam yang dijinjit di bawah pokok bunga. SP3 dan pasukan terus membuat serbuan ke arah suspek dan suspek, yang kemudiannya dikenali sebagai tertuduh yang telah berjaya ditangkap selepas berlaku sedikit pergelutan. Semasa H membuat serbuan, SP3 telah memperkenalkan diri sebagai polis sambil menunjukkan kad kuasa serta berteriak "Polis! jangan lari". SP3 menyatakan tertuduh ada cuba untuk melarikan diri.

[10] Pemeriksaan badan tertuduh, SP3 tidak menjumpai sebarang barang salah. SP3 telah memberikan kata-kata amaran dalam I bahasa Melayu tetapi tertuduh hanya mendiamkan diri. SP3 kemudian telah bertanya kepada tertuduh adakah beliau

menyimpan apa-apa barang salah atau dadah. Tertuduh dikatakan telah menunjuk ke arah beg plastik hitam (P13) di bawah pokok bunga. SP3 telah mengarahkan tertuduh untuk mengambil beg plastik hitam P13 tersebut dan telah menyerahkannya kepada SP3 sebagaimana diarahkan. SP3 telah membuka beg plastik hitam P13 tersebut dan mendapati di dalamnya terdapat satu kotak jenama "Coco Crunch" (P14) yang di dalamnya terdapat satu beg plastik berwarna perak (P15) yang mengandungi sejumlah sebanyak 3,390 biji pil ecstasy, iaitu: 470 biji pil berwarna biru cair berlogo 'rolex', 1,920 biji pil berwarna merah jambu berlogo 'C' dan 'C' terbalik dan 1,000 biji pil berwarna merah jambu berlogo 'love'.

[11] Tertuduh dan barang kes yang dirampas telah dibawa balik ke balai. SP3 telah menyediakan senarai bongkar (P9), laporan polis (P21) dan akuan serah menyerah barang kes (P10). Barang-barang kes dan tertuduh kemudiannya telah diserahkan kepada pegawai penyiasat, Inspektor Kumbat anak Tan (SP6) untuk tindakan siasatan selanjutnya.

[12] Semua barang kes dadah telah diserahkan kepada ahli kimia (SP4) untuk penganalisaan. SP4 mengesahkan semua barang kes yang beliau terima mengandungi dadah berbahaya jenis 3,4-methylenedioxymethamphetamine (MDMA) seberat 395.7g, yang menjadi hal perkara dalam pertuduhan.

Beban Pembuktian Di Akhir Kes Pendakwaan

[13] Tugas hakim bicara pada peringkat ini adalah untuk membuat penilaian yang maksima kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan bagi menentukan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh atas pertuduhan yang dihadapkan seperti dikehendaki di bawah s. 180 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ). YA Gopal Sri Ram HMR (ketika itu) dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734 telah menjelaskan tugas hakim bicara pada peringkat penutupan kes pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

> It therefore follows that there is only one exercise that a judge sitting alone under s. 180 of the Code has to undertake at the close of the prosecution case. He must subject the prosecution evidence to a maximum evaluation and ask himself the question: If I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case? If the answer is in the negative then no *prima facie* case has been made out and the accused would be entitled to an acquittal.

[14] Tiga elemen utama perlu dibuktikan untuk mendapatkan sabitan di bawah s. 39B(1)(a) ADB 1952 di dalam kes ini iaitu bahawa pertamanya tertuduh dibuktikan mempunyai milikan (possession) dengan pengetahuan ke atas dadah berbahaya yang dirampas dan keduanya bahawa tertuduh didapati mengedar dadah-dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan. Elemen ketiga adalah bahawa dadah-dadah tersebut adalah dadah berbahaya di bawah ADB 1952. Pihak pendakwaan boleh menggunapakai anggapan statutori yang terdapat di bawah ADB 1952 bagi membuktikan salah satu elemen tersebut iaitu sama ada di bawah s. 37(d) ADB 1952 untuk elemen milikan ataupun di bawah s. 37(da) ADB 1952, bagi membuktikan elemen pengedaran (lihat kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457 dan *Muhammed Hassan v. PP* [1998] 2 CLJ 170; [1998] 2 MLJ 273).

[15] Kes *prima facie* juga tidak boleh dikatakan sebagai telah dibuktikan sekiranya terdapat dua keadaan berikut iaitu apabila terdapat lompang (gap) dalam kes pihak pendakwaan atau pun juga terdapat keadaan di mana keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan membenarkan lebih daripada satu inferens selain daripada inferens yang menjurus kepada kebersalahan tertuduh [lihat kes *Arulpragasan Sandaraju v. PP* [1996] 4 CLJ 597; [1997] 1 AMR 329; *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734; [2003] 2 AMR 89; *Abdullah Zawawi Omar v. PP* [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19; [1985] 2 MLJ 16 dan *PP v. Kasmin Soeb* [1974] 1 LNS 116; [1974] 1 MLJ 230]. Begitu juga sekiranya terdapat keadaan di mana berlakunya putus rantaian keterangan mengenai barang kes dadah yang dirampas sehingga timbul keraguan yang munasabah terhadap identiti barang kes dadah tersebut dan tanpa sebarang penjelasan mengenainya maka dikatakan juga kes *prima facie* gagal dibuktikan [lihat *Yusri Pialmi v. PP* [2010] 6 CLJ 878].

[16] Apa yang dimaksudkan dengan kes *prima facie*, telah diputuskan dalam kes *Dalip Baghwan Singh v. PP* [1997] 4 CLJ 645; [1998] 1 MLJ 1 seperti berikut:

> ... the meaning of the test of *prima facie* case at the end of the prosecution's case is, 'on the assumption that the prosecution evidence was accurate, could the accused be lawfully convicted?' The word 'accurate' could mean or should mean 'true' and the words 'prosecution evidence' could be said to refer to the evidence of 'primary facts' which could logically refer to the evidence or evidences sufficient enough to prove each ingredient of an offence. Once there is sufficiency of such evidence, so long as it is not inherently incredible, a *prima facie* case is made out.

[17] Di dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan:

> Section 180(1) makes it clear that the standard of proof on the prosecution at the close of its case is to make a *prima facie* case while s. 182A(1) enunciates that at the conclusion of the trial the court shall consider all the evidence adduced and decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt. The standard of proof on the prosecution at the end of its case and at the end of the whole case has thus been statutorily spelt out in clear terms ... A *prima facie* case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal.

[18] Mahkamah Persekutuan dalam kes yang sama telah menjelaskan lagi maksud *prima facie*, iaitu:

> The phrase "*prima facie* case" is defined in similar terms in *Mozley and Whieteley's Law Dictionary*, 11th edn. as:
>
> > A litigating party is said to have a *prima facie* case when the evidence in his favour is sufficiently strong for his opponent to be called on to answer it. A *prima facie* case, then, is one which is established by sufficient evidence, and can be overthrown only by rebutting evidence adduced by the other side.
> >
> > The result is that the force of the evidence adduced must be such that, if unrebutted, it is sufficient to induce the court to believe in the existence of the facts stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts exist or did happen. On the other hand if a *prima facie* case has not been made out it means that there is no material evidence which can be believed in the sense as described earlier. In order to make a finding either way the court must, at the close of the case for the prosecution undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements of the offence have been established ... Since the court, in ruling that a *prima facie* case has been made out, must be satisfied that the evidence adduced can be overthrown only by evidence in rebuttal it follows that if it is not rebutted it must prevail. Thus if the accused elects to remain silent he must be convicted. The test at the close of the prosecution would therefore be: Is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to

remain silent? If the answer is in the affirmative then a *prima facie* case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt there can be no *prima facie* case.

Isu-isu Ditimbulkan Oleh Peguambela Tertuduh

[19] Peguambela tertuduh berhujah bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh dan menggesa supaya tertuduh dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan dengan tanpa dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan.

[20] Peguambela terpelajar telah menimbulkan empat isu utama mengapa tertuduh perlu dibebaskan dengan tanpa dipanggil untuk membela diri. Isu-isu tersebut adalah seperti berikut:

(a) Terdapat putusnya dalam rantai keterangan mengenai barang kes dadah;

(b) Terdapat percanggahan yang material dalam keterangan saksi utama pendakwaan (SP3);

(c) Anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai terhadap pihak pendakwaan; dan

(d) Kelemahan-kelemahan dalam penyiasatan kes oleh Pegawai Penyiasat (SP6).

[21] Mengenai isu (a), peguambela terpelajar berhujah terdapat putus rantaian keterangan barang kes dan barang kes yang dikemukakan di mahkamah telah dikacau ganggu. Menurut laporan polis (P21) yang telah dibuat oleh SP3, bag plastik P13 didapati mengandungi:

(i) 250 biji pil warna biru cair berlogo 'rolex' – di tanda 'D1';

(ii) 220 biji pil warna biru cair berlogo 'rolex' – di tanda 'D2';

(iii) 290 biji pil warna merah jambu berlogo 'C' dan 'C' terbalik – ditanda 'E1';

(iv) 230 biji pil warna merah jambu berlogo 'C' dan 'C' terbalik – ditanda 'E2';

(v) 300 biji pil warna merah jambu berlogo 'C' dan 'C' terbalik – ditanda 'E3';

(vi) 400 biji pil warna merah jambu berlogo 'C' dan 'C' terbalik – ditanda 'E4';

(vii) 300 biji pil warna merah jambu berlogo 'C' dan 'C' terbalik – ditanda 'E5';

(viii) 400 biji pil warna merah jambu berlogo 'C' dan 'C' terbalik – ditanda 'E6'; dan

(ix) 1,000 biji pil warna merah jambu berlogo 'love' – di tanda 'F'.

[22] Berdasarkan kepada laporan polis (P21) yang dibuat oleh SP3 pada hari kejadian dan dalam keterangannya di mahkamah, terdapat keseluruhan sejumlah 3,390 biji pil disyaki ecstasy telah dirampas di tempat kejadian. Namun jumlah pil yang telah diserahkan kepada pegawai forensik (SP7) untuk tujuan ujian penimbulan cap jari, hanya sejumlah 3,190 biji pil telah diserahkan sebagaimana dinyatakan dalam surat permintaan, laporan pemeriksaan tempat kejadian dan akuan serah menyerah barang kes (P29). Oleh itu terdapat kekurangan sejumlah 200 biji pil yang disyaki ecstasy pada peringkat tersebut.

[23] Dalam Borang Pol 31 (P12) yang dihantar kepada ahli kimia untuk penganalisaan juga menyatakan jumlah pil adalah sebanyak 3,190 biji. Ahli kimia (SP4) di dalam keterangannya dan juga di dalam laporan kimia bertarikh 29 Mac 2013 (P20) menyatakan bahawa beliau telah menerima sejumlah 3,190 biji pil sahaja, iaitu, 470 biji pil berwarna biru bertanda 'D1' dan 'D2', 1,720 biji pil berwarna merah jambu bertanda 'E1' hingga 'E6' dan 1,000 biji pil berwarna merah bertanda 'F1'.

[24] Selain laporan polis (P21), borang pemeriksaan (P9) dan borang serah menyerah barang kes (P10) yang ditandatangani di antara SP3 dengan SP6 juga menyatakan jumlah pil ecstasy yang terlibat berjumlah sebanyak 3,390 biji pil kesemuanya. Oleh itu terdapat perbezaan sebanyak 200 biji pil yang tidak dapat terangkan (unaccounted for). Perbezaan sebanyak 200 biji pil tersebut telah gagal diberikan sebarang penjelasan oleh pihak pendakwaan sehingga kes mereka ditutup. Tiada sebarang saksi dipanggil untuk menjelaskan kenapa berlakunya perbezaan tersebut.

[25] Dalam keadaan tersebut, inferens yang memihak kepada tertuduh hendaklah diterimapakai oleh mahkamah ini. Inferens munasabah yang dapat diterimapakai oleh mahkamah ini adalah bahawa barang kes dadah telah dikacau ganggu, terdapatnya

keraguan terhadap identiti sebenar barang kes yang dirampas dan barang kes dadah yang dikemukakan ke mahkamah ini bukanlah yang telah dirampas dari tempat kejadian.

[26] Dalam kes *Yusri Pialmi v. PP* (*supra*), Mahkamah Persekutuan telah membenarkan rayuan perayu dalam keadaan terdapat keraguan dalam anggaran berat kasar sebanyak 10.21g di antara timbangan yang dibuat oleh ahli kimia (1,850.21g) dengan berat yang diperolehi oleh pegawai penyiasat (1,840g). YAA hakim Zulkefli Makinudin HMP (sekarang HB Malaya) telah memutuskan mengenai isu identiti barang kes seperti berikut:

> With regard to this discrepancy in the weight of the cannabis there was no explanation given by SP4 or any other witnesses called by the prosecution to justify the increase in the weight. There is no evidence adduced by the prosecution that the weighing scale used to weigh the cannabis has not been calibrated and therefore inaccurate ... It is our judgment evaluating the prosecution's case in the light of the evidence available there exists a serious doubt as to the identity of the cannabis as a case exhibit ... It therefore follow that the prosecution cannot be said to have proven the offence of trafficking beyond reasonable doubt against the appellant. A reasonable doubt has been created as to whether the cannabis that was recovered by the police that was sent to the chemist for analysis is the same substance that is found to be cannabis and it is in respect of that substance the appellant is charged with trafficking.

[27] Dalam kes *Zaifull Muhammad v. PP & Another Appeal* [2013] 2 CLJ 383, Mahkamah Persekutuan sekali lagi dalam isu yang sama mengenai identiti barang kes telah membenarkan rayuan dan membebaskan perayu oleh kerana wujud keraguan terhadap identiti sebenar barang kes ekoran terdapat perbezaan dalam berat kasar dan jumlah ketulan dadah yang terlibat. Keputusan Mahkamah Persekutuan tersebut berlandaskan kepada fakta bahawa perbezaan yang terdapat telah gagal dijelaskan oleh saksi-saksi pihak pendakwaan.

[28] Di dalam kes terhadap tertuduh di mahkamah ini, terdapat perbezaan dalam jumlah biji pil yang dirampas dengan jumlah biji pil yang telah diserahkan kepada ahli kimia untuk dianalisa. Memandangkan terdapat perbezaan jumlah biji pil maka tentunya terdapat juga perbezaan dalam berat dadah yang terlibat. Tetapi apa yang lebih penting adalah bahawa tiada sebarang penjelasan telah diberikan oleh pihak pendakwaan terhadap perbezaan jumlah

biji pil yang terlibat tersebut. Ini membawa kepada persoalan sama ada adakah barang kes yang dirampas merupakan barang kes yang sama yang dikemukakan ke mahkamah ini. Perbezaan dalam jumlah biji pil tersebut yang tidak dijelaskan membawa kepada inferens yang munasabah boleh dibuat oleh mahkamah ini bahawa barang kes dadah tersebut telah dikacau ganggu dan identiti barang kes sebenar adalah meragukan. Atas alasan ini sahaja adalah memadai untuk tertuduh dibebaskan dengan tanpa pembelaan beliau dipanggil.

[29] Mengenai isu (b), peguambela terpelajar berhujah bahawa terdapat percanggahan yang material dalam keterangan SP3 di mahkamah dan keterangan SP3 telah menimbulkan kelompangan dalam kes pendakwaan. Percanggahan dalam keterangan SP3 tersebut meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan pakaian tertuduh, butiran dalam laporan polis (P21) yang telah dibuat oleh SP3, kata-kata amaran, keadaan barang kes, penjumpaan barang kes dan lokasi sebenar tertuduh telah ditangkap.

[30] Dalam keterangannya di mahkamah, SP3 menyatakan beliau bertindak setelah menerima maklumat awam mengenai aktiviti pengedaran dadah di tempat kejadian yang melibatkan seorang suspek yang memakai baju-t berwarna gelap. SP3 menyatakan pada masa tangkapan tertuduh memakai baju-t berwarna hitam. Walau pun fakta tertuduh memakai baju-t berwarna gelap/hitam dipersetujui oleh SP3 adalah penting, namun perkara itu tidak dinyatakan di dalam laporan polis (P21) yang beliau buat dan SP3 juga mengakui tidak ada merampas baju-t hitam yang dipakai oleh tertuduh. Kegagalan ini tentunya adalah disebabkan pada waktu kejadian tertuduh sebenarnya memakai baju-t berwarna putih.

[31] Keterangan SP3 yang menyatakan tertuduh memakai baju-t gelap/hitam bercanggah dengan keterangan pegawai penyiasat (SP6) yang menyatakan beliau telah diserahkan dengan satu tangkapan yang memakai baju-t berwarna putih. Keterangan SP6 adalah seperti berikut:

> OKT pakai jeans warna biru.
>
> Baju dan seluar OKT telah kotor apabila diserahkan kepada saya.
>
> Tertuduh pakai T-shirt warna putih tetapi jenama saya tak ingat.
>
> Tertuduh memakai T-shirt putih yang kotor.

[32] Jelas sekali terdapat percanggahan yang material dalam keterangan SP3 dengan keterangan SP6 berkaitan dengan warna baju-t yang dipakai oleh tertuduh sewaktu ditangkap. Juga, tiada sebarang penjelasan telah diberikan mengenai percanggahan tersebut. Apa yang lebih penting hasil percanggahan tersebut adalah keraguan terhadap keterangan kes pendakwaan sama ada tertuduh adalah target sebenar pihak polis berdasarkan maklumat yang diberikan oleh orang awam dalam kes ini.

[33] Percanggahan juga timbul di antara keterangan lisan SP3 di Mahkamah dengan kandungan laporan polis beliau di eks. P21. Mahkamah ini bersetuju bahawa laporan polis tidak perlu menyatakan segala fakta mengenai serbuan, tangkapan serta rampasan barang kes. Butir-butir terperinci mengenai fakta-fakta boleh diberikan dalam percakapan di bawah s. 112 Kanun Tatacara Jenayah atau diberikan ke mahkamah ini. Laporan polis hanya bertujuan sebagai pemangkin untuk memulakan satu siasatan yang menyeluruh mengenai kejadian jenayah yang telah berlaku. Namun perkara-perkara penting yang melibatkan intipati sesuatu pertuduhan wajar dinyatakan dalam sesuatu laporan polis. SP3 bersetuju mengenai perkara tersebut.

[34] Antara percanggahan dan/atau perbezaan material dalam keterangan SP3 dengan laporan polis beliau melibatkan fakta-fakta yang diakui sendiri oleh SP3 sebagai penting dan gagal dimasukkan ke dalam laporan polis beliau. Perkara-perkara penting tersebut termasuklah fakta bahawa tertuduh dilihat menjinjit satu beg plastik hitam dan sedang bercakap dalam telefon dengan seseorang, tertuduh telah meletakkan beg hitam tersebut di bawah satu pokok bunga berdekatan dengan tertuduh, tertuduh memakai baju-t berwarna hitam sebagaimana maklumat yang diterima, tertuduh telah cuba untuk melarikan diri dan telah berlaku pergelutan sebelum berjaya ditangkap dan bahawa SP3 telah menjelaskan kata-kata amaran kepada tertuduh. Semua lima perkara tersebut adalah penting untuk membuktikan intipati utama pertuduhan terhadap tertuduh iaitu milikan, pengetahuan dan pengedaran. Walau pun bersetuju semua fakta tersebut sangat penting namun SP3 bersetuju beliau tidak menyatakannya di dalam laporan polis yang beliau buat selepas kejadian. SP3 juga bersetuju segala fakta-fakta tersebut masih segar dalam ingatan beliau semasa laporan polis itu dibuat.

[35] Penjelasan yang diberikan oleh SP3 mengenai percanggahan dan/atau ketinggalan-ketinggalan di dalam laporan polis beliau adalah bahawa beliau ingin meringkaskan laporan polis beliau. Mahkamah ini mendapati peninggalan yang dilakukan oleh SP3 adalah merupakan sebenarnya asas kepada pengaduan sebenar atau menjadi perkara pokok dalam pengaduan tersebut. Fakta-fakta yang dikatakan ketinggalan tersebut merupakan intipati-intipati utama dalam pertuduhan terhadap tertuduh. Fakta-fakta tersebut adalah yang terpenting bagi membuktikan pertuduhan terhadap tertuduh. Sekiranya fakta-fakta tersebut terutamanya fakta tertuduh menjinjit beg hitam, meletakkan beg itu di bawah pokok bunga, tertuduh cuba melarikan diri dan bergelut adalah fakta-fakta yang begitu penting untuk ditinggalkan oleh SP3. Adalah tidak logik dan tidak munasabah penjelasan SP3 bahawa untuk meringkaskan laporan polisnya, beliau telah meninggalkan fakta-fakta penting tersebut.

[36] Dalam soal-balas, antara lain SP3 menyatakan seperti berikut:

Q: Rujuk P21, Laporan Polis. Ini Laporan awak?

A: Ya.

Q: Setuju apa yang awak catit yang benar-benar berlaku?

A: Ya.

Q: Kalau sesuatu itu tidak berlaku, tak adalah di masukkan ke dalam ini, betul?

A: Betul.

…

Q: Awak juga setuju tadi jika ianya benar-benar berlaku dan penting maka kena masukkan dalam Laporan Polis?

A: Ya.

…

Q: Saya katakan jika ianya betul-betul berlaku maka awak akan masukkan dalam report polis?

A: Ya.

Q: Saya cadangkan kepada awak fakta bahawa OKT menjinjit beg plastik adalah tidak benar atas fakta-fakta ini, awak kata kalau berlaku, awak akan masukkan dalam laporan polis. So, tuan tak masukkan dalam laporan polis, dan keduanya, awak

dah tahu barang kes kes di mana, tak perlu dia bagitahu barang kes sebenarnya di bawah pokok kerana awak pun dah tahu? A

A: Setuju.

[37] Dalam keterangan lisannya di mahkamah, SP3 menyatakan beliau melihat tertuduh menjinjit beg hitam, berjalan mundar mandir ke hulu ke hilir sambil bercakap dengan seseorang dalam telefon. SP3 juga menyatakan beliau melihat tertuduh meletakkan beg hitam yang dipegang di bawah pokok bunga setelah tamat perbualan dalam telefon. Jika ini benar-benar berlaku dan dapat dilihat oleh SP3, kenapa perlunya lagi SP3 bertanya kepada tertuduh adakah tertuduh menyimpan apa-apa barang salah atau dadah. Bila ditanya kenapa perlu menunggu terlalu lama sehingga selepas beg hitam diletakkan bawah pokok bunga dan tertuduh bergerak jauh baru membuat serbuan, SP3 kata mahu melihat kepada siapa barang kes dadah hendak diserahkan. Ini juga suatu jawapan yang tidak logik dan tidak munasabah serta bercanggah. Kenapa tak tunggu lebih lama sehingga dadah sehingga seseorang pihak ketiga tiba di sana untuk menerima dadah itu jika itu alasan sebenar SP3. B C D E

[38] Adalah dapatan mahkamah ini bahawa ketinggalan dan percanggahan yang material dalam keterangan SP3 seperti dihuraikan di atas menggugat kebolehpercayaan saksi SP3 dalam kes ini. Percanggahan-percanggahan dan ketinggalan-ketinggalan material yang ditunjukkan oleh SP3 dalam kes ini memberi ruang dan peluang kepada mahkamah ini untuk membuat dapatan bahawa sebenarnya SP3 bukanlah seorang saksi yang berkredibel. Selain SP3, pihak pendakwaan gagal menggunakan budi bicara mereka untuk memanggil saksi serbuan yang lain. Kes pendakwaan runtuh apabila kredibiliti SP3 dipersoalkan. F G

[39] SP3 menyatakan beliau ada membacakan kata-kata amaran seperti di bawah s. 37A(1)(b) ADB selepas tertuduh ditahan. Sebaik kata-kata amaran itu dibacakan, SP3 telah bertanya soalan "Adakah awak menyimpan apa-apa barang salah atau dadah?". Tertuduh dikatakan telah menunjuk ke arah beg plastik hitam berisi dadah di bawah pokok bunga dan telah menyerahkan kepada SP3 atas arahan SP3. Keterangan ini telah dibantah oleh pihak pembelaan atas alasan perbuatan tertuduh menunjuk ke arah beg plastik hitam itu terjumlah kepada satu kenyataan. Mahkamah H I

ini bersetuju bahawa perbuatan tertuduh menunjuk ke arah barang kes tersebut adalah terjumlah kepada suatu kenyataan. Namun di dalam kes ini pihak pendakwaan tidak meminta supaya satu perbicaraan dalam perbicaraan diadakan bagi menentukan kebolehterimaan kenyataan tersebut. Sebaliknya pihak pendakwaan berhujah bahawa perbuatan tertuduh menunjuk tersebut boleh diterima di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950 dan/atau boleh diterima di bawah s. 8 Akta yang sama. Dengan hormatnya hujahan Timbalan Pendakwa Raya terpelajar jauh tersasar. Pra-syarat di bawah s. 27 tidak dipenuhi malahan tiada sebarang keterangan bagi membuktikan pra-syarat tersebut. Manakala s. 8 tidak terpakai oleh kerana perbuatan menunjuk itu bukanlah satu conduct atau overt act yang dimaksudkan di bawah s. 8 Akta tersebut tetapi sebaliknya adalah terjumlah kepada suatu kenyataan. Oleh itu, keterangan berkaitan tertuduh menunjuk ke arah beg hitam barang kes tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan. Keterangan itu sangat memprejudiskan terhadap tertuduh lebih-lebih lagi fakta itu tidak terdapat dalam laporan polis P21 yang dibuat oleh SP3.

[40] Keterangan SP3 sendiri dalam soal-balas akhirnya mengakui sebenarnya beliau tidak nampak tertuduh menjinjit beg hitam barang kes sebelum tertuduh ditangkap. SP3 juga setuju sebenarnya bahawa tertuduh tidak pernah menunjukkan beg hitam barang kes yang berada di bawah pokok bunga kepada beliau. Ini jelas menunjukkan bahawa SP3 telah cuba untuk memutarbelitkan keterangannya di mahkamah ini dan telah memberikan keterangan yang tidak benar. SP3 bersetuju 10 hingga 15 minit selepas tertuduh ditahan baharulah barang kes dadah dijumpai. Sekiranya SP3 melihat tertuduh menjinjit beg hitam dan melihat juga beg itu diletakkan di bawah pokok bunga oleh tertuduh, SP3 tidak lagi perlu bertanya tertuduh di mana barang kes dadah disimpan dan juga tidak perlu 10 hingga 15 minit untuk menemui barang kes dadah tersebut. Saksi SP6 menyatakan hasil siasatan beliau menunjukkan barang kes dadah telah dijumpai oleh SP3 sendiri selepas mencari di sekitar tempat kejadian. Keraguan munasabah timbul dalam kes pendakwaan sendiri melalui keterangan SP3, saksi utama pendakwaan yang tidak berkredibel di mahkamah ini.

[41] Satu perkara lagi yang meragukan dalam keterangan SP3 adalah mengenai keadaan barang kes semasa diserahkan kepada pegawai penyiasat SP6. Saksi SP3 menyatakan semasa kejadian hari itu ada hujan renyai-renyai dan keadaan basah. Setelah barang

kes ditemui, SP3 menyatakan beliau telah memeriksa barang kes di tempat kejadian dalam keadaan hujan renyai-renyai di tempat yang terbuka. Tertuduh dan lain-lain anggota pasukan serbuan menyaksikan pemeriksaan barang kes tersebut. SP3 menyatakan beliau mengambil masa selama 15 minit untuk memeriksa barang kes tersebut. SP3 juga menyatakan membuat pemeriksaan di atas rumput dan barang kes menjadi basah. SP6 yang menerima barang kes selepas itu menafikan barang kes dalam keadaan basah. Mahkamah ini berpandangan dan mendapati tidak logik cerita SP3 memeriksa barang kes di tempat kejadian atas rumput dalam keadaan hujan renyai-renyai tambahan lagi pada waktu malam hari.

[42] Keterangan SP3 mengenai tempat sebenar tertuduh telah ditangkap juga bercanggah dan timbul keraguan mengenainya. Semasa pemeriksaan utama, SP3 menandakan 'X' atas gambar P7B sebagai tempat tertuduh telah ditangkap. Kedudukan 'X' ini lebih kurang 2 hingga3 meter dari tempat barang kes dadah dijumpai. Dalam soalbalas, SP3 telah menandakan 'T' atas IDD27 sebagai tempat tertuduh ditangkap dan kedudukan 'T' ini berada dalam jarak melebihi 10 meter dari tempat barang kes dadah ditemui. 'T' ini juga berada di seberang jalan dari tempat barang kes dadah dijumpai. Percanggahan ini juga gagal dijelaskan oleh SP3 walau pun telah diminta oleh Puan Timbalan Pendakwa Raya untuk berbuat demikian. Keterangan SP3 dalam soal semula antaranya seperti berikut:

Q: Boleh awak jelaskan dalam gambar ini jarak awak kurang 10 meter tapi bila rujuk IDD27, awak setuju jarak dia 9.5 meter di bahagian bertanda T, boleh jelaskan kepada Mahkamah di mana kedudukan sebenar kamu?

A: Kedudukan sebenar di rajah kasar bertanda T, 10-15 meter.

Q: Kenapa sebelum ini awak beritahu di kawasan tayar kereta Waja, jika rujuk gambar 5 jaraknya sangat hampir dan bila rujuk IDD27 jaraknya adalah 9.5 meter boleh jelaskan?

A: Tidak boleh jelaskan.

Q: Boleh jelaskan mana kedudukan awak sebenarnya, jarak 10 meter yang awak maksudkan macam mana?

A: Jarak 10 meter mengikut dari gambar rajah kasar sehingga bertanda T di seberang jalan.

[43] Mengenai isu (c), peguambela terpelajar berhujah bahawa anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah terpakai terhadap kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan panggilan keluar-masuk dalam telefon bimbit tertuduh. Walaupun SP6 mengesahkan telah memperolehi laporan dari syarikat telekomunikasi mengenai perkara tersebut namun ianya gagal untuk dikemukakan ke mahkamah ini. SP6 bersetuju bahawa maklumat panggilan keluar-masuk tersebut boleh membantu pembelaan tertuduh. Oleh kerana terdapat maklumat awam tentang pengedaran dadah diterima oleh SP3 dan pada masa pemerhatian tertuduh dilihat bercakap dengan seseorang dalam telefon bimbitnya, maka panggilan keluar-masuk tersebut adalah penting dan dapat menunjukkan siapakah yang bercakap dengan tertuduh sebaik sebelum tertuduh ditangkap. Keengganan pendakwaan serta kegagalan untuk mengemukakan panggilan keluar-masuk tersebut adalah merupakan satu cubaan untuk menyembunyikan sesuatu fakta material dan memprejudiskan pembelaan tertuduh bahawa pada masa tersebut beliau sedang bercakap dengan kawan beliau bernama Chan Long untuk bertemu di sana. Oleh itu tanpa teragak-agak mahkamah ini menggunapakai anggapan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 menyebelahi pihak tertuduh dalam kes ini.

[44] Akhirnya, mengenai isu (d). Peguambela terpelajar berhujah bahawa siasatan yang dijalankan oleh SP6 adalah tidak lengkap. Dakwaan ini berkaitan dengan keterangan SP6 bahawa beliau tidak ada menjalankan siasatan terhadap SIM kad dalam telefon bimbit tertuduh. Walaupun telefon bimbit tertuduh telah dirampas bersama SIM kad namun butir-butir panggilan keluar-masuk dalam SIM kad itu tidak disiasat. SP6 menyatakan terdapat laporan panggilan keluar-masuk diterima dari pihak syarikat telekomunikasi tetapi SP6 tidak menjalankan sebarang siasatan. Sebalik SIM kad telah diserahkan ke Bukit Aman untuk siasatan lanjut. Hasil siasatan oleh pihak Bukit Aman tersebut juga tidak dikemukakan ke mahkamah ini. Kegagalan siasatan yang lengkap terhadap SIM kad serta panggilan keluar-masuk telefon bimbit tertuduh tersebut telah memprejudiskan pembelaan tertuduh dan telah menimbulkan keraguan dalam kes pendakwaan. Peguambela telah merujuk kepada kes *Chan King Yu v. PP* [2009] 1 CLJ 601; [2009] 1 MLJ 457 yang telah memutuskan:

> I am of the view that had the police investigated the local telephone numbers found in exh. P11N and the last ten calls made and received as shown in exhs. P18 and P19, it would have

led to the discovery of the people the appellant was in contact with, and the existence of Man Chai. Man Chai in my view was not a fictitious character. Man Chai played a key role in leading the police party to effect arrest on the appellant ...

Konklusi

[45] Atas alasan-alasan yang tersebut di atas dan atas pertimbangan maksima keterangan saksi-saksi pendakwaan, mahkamah ini berpuas hati dan memutuskan bahawa kes pihak pendakwaan telah gagal untuk mencapai tahap pembuktian kes *prima facie*. Oleh itu tertuduh telah dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan dengan tanpa dipanggil untuk membela diri.